

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

Zon Ekonomi Khas tingkatkan ekonomi Malaysia jangka panjang

Zon Ekonomi Khas tingkatkan ekonomi Malaysia jangka panjang

KUALA LUMPUR - Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) akan memberi manfaat kepada Malaysia dalam jangka masa panjang melalui aktiviti buruh dan aliran pelaburan rentas sempadan.

Ketua Ahli Ekonomi Pejabat Penyelidikan Makroekonomi Asean 3 (AMRO), Hoe Ee Khor berkata, SEZ akan menjadi pencetus perubahan untuk Malaysia dan Singapura berikutan kedua-dua ekonomi itu amat berkait rapat dan SEZ akan melengkapkan kedua-duanya.

“Singapura adalah ekonomi dengan sumber tenaga kerja yang terhad dan amat bergantung kepada pekerja asing. Antara sumber utamanya untuk pekerja asing ialah Malaysia.

“Singapura juga mempunyai banyak modal dan Malaysia akan mendapat manfaat daripada aliran pelaburan dari Singapura ke Johor.

“Oleh itu, (faktor) tersebut akan meningkatkan kedua-dua ekonomi dalam jangka masa panjang,” katanya pada taklimat media secara maya mengenai kemas kini suku tahunan Tinjauan Ekonomi Serantau Asean 3 (AREO) di sini pada Khamis.- *Bernama*